

Operasi SAR Dari Pangkalan Udara Di Ho Chi Minh City Tetap Diteruskan
Bernamea
12 Mac, 2014
Oleh Minggu Simon Lhasa

HO CHI MINH CITY, 12 Mac (Bernama) -- Operasi mencari dan menyelamatkan pesawat Boeing 777-200ER milik Malaysia Airlines (MAS) oleh pihak berkuasa Vietnam di pangkalan tentera udara di sini akan tetap diteruskan, kata Naib Komander Nguyen Thai Son.

Bercakap kepada sidang media di sini hari Rabu, beliau berkata enam pesawat termasuk yang dilengkapi peralatan berteknologi tinggi, digunakan setiap hari dalam operasi dari Pangkalan Tentera Udara Briged 918.

"Pesawat itu melakukan 22 penerbangan dari pangkalan udara berkenaan dengan setiap penerbangan meliputi jarak 400 kilometer persegi," katanya ketika diminta mengulas laporan bahawa Vietnam bertindak memperlahankan operasi SAR termasuk menanggung pencarian melalui udara.

Pangkalan Tentera Udara Briged 918 menjadi tumpuan pemberita tempatan serta negara seperti Malaysia, Jepun dan China selain kumpulan media antarabangsa lain.

Setiap hari, pihak media akan berada di situ bagi menanti pengesahan untuk terbang bersama satu daripada pesawat yang melakukan rondaan dalam operasi SAR.

Selain itu, operasi SAR membuka markas di Pulau Phu Quoc, yang pernah dilapor menjadi lokasi paling hampir dengan kawasan di mana pesawat terbabit hilang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021462>